


**BERITA ONLINE
BERITA HARIAN
TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**



Portal iDengue kurangkan 60 peratus kluster denggi

Oleh [Suzalina Halid](#) - Oktober 28, 2021 @ 7:27pm

suzalina@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Aplikasi portal iDengue yang dibangunkan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) berjaya mengurangkan sehingga 60 peratus kluster wabak denggi di negara ini.

Timbalan Menteri MOSTI, Datuk Ahmad Amzad Hashim, berkata portal iDengue adalah platform pelaporan maklumat denggi harian dan lokasi wabak denggi bagi meningkatkan kesedaran orang ramai di kawasan wabak denggi untuk mengambil langkah pencegahan serta kawalan.

"Maklumat yang dipaparkan dalam Portal iDengue adalah dalam bentuk laporan dan pemetaan kawasan wabak denggi yang dikemaskini secara harian.

"Selain mengurangkan sehingga 60 peratus kluster wabak denggi ia juga mengurangkan kos pengurusan wabak denggi," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang (RUU) Lembaga Angkasa Malaysia 2020, di Dewan Rakyat, di sini.

Pada masa sama, selain portal iDengue, MYSA juga membangunkan teknologi 'remote sensing' melalui penggunaan Sistem Maklumat Geospacial Padi (MakGeo-Padi) yang berjaya memanfaatkan seramai 37,916 pesawah padi di 12 jelapang padi di seluruh negara.

Beliau berkata, sistem itu meningkatkan sehingga 57 peratus kecekapan mengurus dan memantau tanaman padi serta meningkatkan sehingga 30 peratus kecekapan mengurus subsidi baja dan racun oleh kerajaan.

"MakGeo-Padi dan Portal iDengue adalah antara 40 sistem aplikasi berteraskan teknologi angkasa yang dibangunkan MYSA dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan berkaitan.

"Sistem aplikasi berkenaan sedang diguna pakai secara dalam talian oleh lebih daripada 80 agensi kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Ia bagi kecekapan perancangan dan pengurusan antaranya dalam bidang pertanian, perikanan, sumber asli, alam sekitar, perusahaan perladangan dan komoditi dan kesihatan persekitaran," katanya.

Beliau berkata, pembangunan semua sistem aplikasi ini menyumbang kepada penjimatan perbelanjaan pembangunan kerajaan sehingga RM49.8 juta.

Sementara itu, Ahmad Amzad berkata, Malaysia mempunyai sembilan satelit yang berada di orbit di mana dua daripadanya adalah satelit remote sensing milik negara iaitu TiungSAT-1 dan RazakSAT®.

"Lima satelit lagi adalah milik syarikat Malaysia iaitu MEASAT Satellite Systems Sdn Bhd yang dilancarkan untuk kegunaan komunikasi dan penyiaran manakala dua satelit bersaiz nano pula adalah milik Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Astronautic Technology Sdn Bhd (ATSB)," katanya.

Sementara itu, Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Lembaga Angkasa Malaysia 2020 selepas bacaan kali ketiga setelah mendapat sokongan majoriti Ahli Parlimen.

RUU berkenaan adalah bagi mengawal selia aktiviti angkasa bagi tujuan keselamatan, untuk mengawal selia pendaftaran objek angkasa dan peruntukan bagi kesalahan berkaitan angkasa.

RUU itu diluluskan tanpa pindaan selepas 13 Ahli Parlimen berbahas mengenainya.